

NAMA : TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

**MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2025
PRINSIP PERAKAUNAN 3756/1
TINGKATAN 5**

Kertas 1

1¼ jam



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D** bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** halaman bercetak.

1. Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan.

Pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang perakaunan di atas ?

- A Perakaunan Pengurusan
B Perakaunan Kewangan
C Pengauditan
D Percukaian
2. Khalida telah merekodkan bayaran sewa peribadi dengan menggunakan tunai perniagaan ke dalam Akaun Ambilan Kedai Khalida.
Nyatakan andaian perakaunan yang telah dipatuhi oleh Khalida.
- A Ketekalan
B Prinsip kos
C Entiti berasingan
D Pengiktirafan hasil dan belanja
3. Perniagaan Harif telah menyewakan sebahagian daripada premis perniagaannya kepada Kedai Aidil. Sewa yang diterima daripada Kedai Aidil itu dikategorikan sebagai ...
- A belanja operasi
B belanja bukan operasi
C hasil operasi
D hasil bukan operasi
4. Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan ?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
A	9 000	3 000	12 000
B	5 000	11 000	6 000
C	13 000	4 000	17 000
D	18 000	5 000	13 000

5. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Amsyar yang menjual pelbagai jenis perabot.

Pada 6 Mac 2025, Amsyar membeli barang niaga dengan harga senarai RM8 000.

Syarat diskaun niaga dan diskaun tunai adalah seperti berikut:

Diskaun Niaga 20%

Diskaun Tunai 10% 10 hari, 5% 15 hari

Hitung diskaun niaga yang diterima oleh Perniagaan Amsyar.

- A RM800
 - B RM400
 - C RM1 600
 - D RM1 200
6. Dokumen bukan sumber berfungsi sebagai dokumen sokongan yang menjadi rujukan bagi urus niaga yang telah berlaku. Antara berikut, yang manakah merupakan dokumen bukan sumber?
- A Penyata bank
 - B Slip bank
 - C Resit
 - D Invois
7. Urus niaga yang manakah direkod dalam Jurnal Am?
- I Membeli perabot secara kredit RM2 600 daripada Sinar Furniture
 - II Menjual barang niaga secara kredit bernilai RM1 200
 - III Pemilik mengambil tunai bernilai RM400 untuk membayar sewa kediamannya
 - IV Membawa masuk komputer bernilai RM5 000 untuk kegunaan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Berjaya Trading bagi bulan Jun 2025.

	RM
Jumlah penerimaan	300
Jumlah pembayaran	275

Berapakah jumlah rekupmen pada 1 Julai 2025 mengikut Sistem Panjar?

- A RM25
 B RM275
 C RM300
 D RM575
9. Manakah antara yang berikut merupakan cara yang betul untuk merekod lejar?
- A Kredit apabila hasil berkurang
 B Debit apabila liabiliti berkurang
 C Kredit apabila belanja bertambah
 D Debit apabila ekuiti pemilik bertambah
10. Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperoleh daripada buku perniagaan Zaira Enterprise pada 30 Jun 2025.

Akaun Kawalan Belum Terima

2025		RM	2025		RM
Jun 1	Baki b/b	2 300	Jun 30	Pulangan Jualan	230
30	Jualan	5 600		Bank	3 400
				Diskaun Diberi	600
				Baki h/b	Z

Hitung nilai **Z**, sekiranya terdapat sekeping cek bernilai RM270 yang diperoleh daripada Kedai Maju Trading dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar” dan RM30 diskaun dibatalkan.

- A RM3 970
 B RM3 670
 C RM3 640
 D RM3 400

11. Pernyataan yang manakah menerangkan maksud Imbangan Duga ?
- A Penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 - B Senarai baki debit dan baki kredit yang diambil dari lejar
 - C Akaun yang disediakan untuk menghitung untung atau rugi perniagaan
 - D Akaun yang disediakan untuk mencari baki akhir pada satu tarikh tertentu
12. Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Even Enterprise.

Jenis Barang	Baki Awal (Unit)	Masuk (Unit)	Keluar (Unit)	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Baju	20	150	80	10	35
Seluar	30	200	120	5	10

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM1 100
 - B RM1 450
 - C RM3 250
 - D RM4 250
13. Antara berikut, manakah catatan yang direkod dengan tepat dalam Akaun Perdagangan?
- I Jualan direkodkan di bahagian debit
 - II Kos Jualan direkodkan di bahagian debit
 - III Untung kasar direkodkan di bahagian kredit
 - IV Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I dan III
 - D III dan IV

14. Apakah butir yang digunakan untuk mengira kos barang untuk dijual?
- I Belian, Inventori awal, Duti import
 - II Jualan, Inventori akhir, Upah atas belian
 - III Angkutan keluar, Inventori akhir, Pulangan masuk
 - IV Inventori awal, Pulangan keluar, Insurans atas belian
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
15. Nyatakan kedudukan Komisen Belum Terperoleh dalam Penyata Kewangan.
- A Penyata Kedudukan Kewangan
 - B Akaun Perdagangan
 - C Akaun Untung Rugi
 - D Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
16. Berikut ialah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Mutiara.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alatan pejabat	9 000	
Susut Nilai Terkumpul Alatan pejabat		2 025

Maklumat tambahan:

Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 30 Jun 2025, Alatan pejabat tersebut telah dijual dengan harga RM6 500 dan dibayar dengan cek.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan Alatan pejabat tersebut?

- A Untung pelupusan Alatan pejabat RM875
- B Untung pelupusan Alatan pejabat RM475
- C Rugi pelupusan Alatan pejabat RM875
- D Rugi pelupusan Alatan pejabat RM475

17. Apakah rumus untuk mengira susut nilai menggunakan kaedah garis lurus?

A
$$\frac{\text{Kos asal} - \text{Usia guna}}{\text{Nilai skrap}}$$

B
$$\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Usia guna}}{\text{Kos asal}}$$

C
$$\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Kos asal}}{\text{Usia guna}}$$

D
$$\frac{\text{Kos asal} - \text{Nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$$

18. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Gemilang.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2025


	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	50 000	
Peruntukan hutang ragu		1 300

Selepas penyediaan Imbangan Duga, seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM2 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih, apakah kesan terhadap belanja dan hasil perniagaan?

- A Hasil bertambah RM340
- B Hasil bertambah RM960
- C Belanja bertambah RM340
- D Belanja bertambah RM960

19. Maklumat di bawah berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.



Apakah **P** ?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan amaun
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan songsang

20. Kesilapan berikut dikesan daripada buku perniagaan Kedai Batik Abaya.

Angkutan masuk dan pulangan keluar masing-masing terkurang catat RM250.

Berapakah jumlah Imbangan Duga Terselaras sekiranya jumlah Imbangan Duga sebelum pembetulan ialah RM23 800?

- A RM24 750
- B RM24 050
- C RM23 350
- D RM22 850

21. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Julai 2025.

	Firma Aman	Firma Bakti	Firma Ceria	Firma Damai
	RM	RM	RM	RM
Untung Kasar	200 000	170 000	130 000	100 000
Untung Bersih	90 000	80 000	95 000	50 000
Modal Awal	400 000	500 000	400 000	300 000

Berdasarkan analisis nisbah pulangan atas modal, firma terbaik untuk membuat pelaburan ialah

- A Firma Aman
- B Firma Bakti
- C Firma Ceria
- D Firma Damai

22. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perniagaan Danny.

	RM
Inventori purata	18 000
Inventori pada 30 Jun 2025	24 000
Kos Jualan	72 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 2 kali
- B 3 kali
- C 4 kali
- D 6 kali

23. Apakah yang menyebabkan rekod perniagaan tidak lengkap?

- A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
- B Buku-buku akaun perniagaan telah tercicir atau musnah
- C Merekod urus niaga perniagaan mengikut sistem catatan bergu
- D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

24. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Encik Azri yang menyimpan rekod tidak lengkap.

	RM
Modal Akhir	15 000
Ambilan	3 500
Modal Awal	10 000
Modal Tambahan	800

Berapakah untung atau rugi bersih perniagaan tersebut?

- A Untung Bersih RM16 700
- B Untung Bersih RM7 700
- C Rugi Bersih RM16 700
- D Rugi Bersih RM7 700

25. Petikan Buku Tunai dan maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan Puan Suzy.

Dt.

Buku Tunai (Petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2025 Mei 18	Jualan	RM	RM 350	RM 2 650

	1 Jun 2024 (RM)	31 Mei 2025 (RM)
Akaun Belum Terima	4 400	8 900

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan Jualan RM 400
- (ii) Penerimaan daripada Akaun Belum Terima RM6 200

Berapakah jumlah jualan bagi perniagaan Puan Suzy?

- A RM3 000
 - B RM11 100
 - C RM11 450
 - D RM14 100
26. Apakah transaksi dalam Penyata Bank yang menyebabkan baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?
- A Pindahan kredit
 - B Cek yang dibatalkan
 - C Cek belum dikemukakan
 - D Deposit belum dikreditkan
27. Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?
- I Pinjaman bank
 - II Kadar bayaran
 - III Peruntukan hutang ragu
 - IV Susut nilai alatan pejabat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28. Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Ayden ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2025. Jualan dianggarkan berjumlah RM20 000 setiap bulan di mana 40% daripadanya diberi tempoh sebulan kredit.

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A RM28 000
 - B RM20 000
 - C RM12 000
 - D RM8 000
29. Pemilik Klinik Aida menukar bentuk perniagaan kepada Klinik Aida & Keluarga. Apakah kelebihan perubahan entiti perniagaan berkenaan?
- A Keuntungan dimiliki sepenuhnya
 - B Bebas menguruskan perniagaan
 - C Modal lebih besar
 - D Mudah ditubuhkan
30. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan Perkongsian Omar & Hana pada 31 Julai 2025.

	RM
Faedah atas modal Omar	2 000
Faedah atas modal Hana	4 000
Untung bersih	16 000

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut :

- (i) Gaji pekongsi Hana RM2 000
- (ii) Kongsi untung atau rugi dibahagi sama rata

Hitung agihan untung setiap pekongsi.

- A RM8 000
- B RM7 000
- C RM5 000
- D RM4 000

31. Manakah antara berikut merupakan sebab-sebab berlakunya pembubaran dalam perkongsian?
- I Seorang pekongsi jatuh sakit
 - II Seorang pekongsi meninggal dunia
 - III Seorang pekongsi mengalami kerugian
 - IV Perintah mahkamah untuk membubarkan perniagaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV
32. Apakah bentuk keuntungan yang diterima oleh pemegang syer Syarikat Berhad?
- A Bonus
 - B Faedah
 - C Dividen
 - D Komisen
33. Qabil Berhad menjalankan perniagaan runcit. Pada 2 Jun 2025 syarikat menerbitkan 2 000 000 unit 10% Syer Keutamaan pada harga RM2 sesyer, dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 25 Jun 2025, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?
- A. RM5 000 000
 - B. RM5 500 000
 - C. RM2 000 000
 - D. RM3 000 000
34. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Suria Berhad. Pada 2 Januari 2024, Syarikat Suria Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Kesemua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 13 Januari 2024. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, syarikat telah memperoleh untung bersih sebanyak RM480 000. Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen atas Syer Biasa pada kadar RM0.05 sesyer. Berapakah jumlah dividen akhir?
- A. RM100 000
 - B. RM160 000
 - C. RM200 000
 - D. RM360 000

35. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Renang Pantai Irama.

	1 Julai 2024	30 Jun 2025
	RM	RM
Yuran Belum Terima	300	250
Yuran Belum Terperoleh	150	-

Maklumat tambahan:

- (i) Kelab mempunyai seramai 62 orang ahli dengan yuran tahunan RM50 seorang.
- (ii) Dua orang ahli yang belum menjelaskan yuran dianggap sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran yang diterima pada tahun 30 Jun 2025?

- A. RM3 300
- B. RM3 100
- C. RM3 000
- D. RM2 900

36. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Cenderakasih yang menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan dan perkhidmatan restoran untuk ahlinya.

Kelab Cenderakasih			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 April 2025			
	RM		RM
Utiliti	800	Yuran ahli	18050
Gaji	3500	X	2530
Sewa	1300		

Apakah X?

- A. Lebihan
- B. Honorarium
- C. Untung Restoran
- D. Hadiah dan Piala

37. Penyata Kedudukan Kewangan tersebut diperoleh daripada Kelab Melukis Amore.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2025 (Petikan)

RM

Dana Terkumpul

Dana Terkumpul Awal	128 000
Tolak : X	(2 900)
	125 100
Tambah : Y	5 000
	130 100

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Lebihan	Yuran Masuk
B	Rugi Bersih	Yuran Masuk
C	Kurangan	Derma Khas
D	Ambilan	Derma Khas

38. Kilang Pakaian Polo Sdn. Bhd. membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM3 500 sebulan. Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Kos Prima
- B Kos Overhed
- C Belanja Langsung
- D Kos Buruh Langsung

39. Apakah Kos Prima bagi Kilang Roti Sedap.

- I. Ketuhar
- II. Sewa kilang
- III. Upah pekerja
- IV. Tepung gandum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40. Kilang Rozita telah mengeluarkan kerepek keladi yang dijual di pasaran dengan harga RM4 sepeket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

Sewa kilang	RM4 000
Gaji penyelia kilang	RM6 000
Gaji jurujual	RM2 000
Kos Berubah	RM1.50
Jumlah pengeluaran	8 000 pek

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Rozita?

- A RM8 000
- B RM10 000
- C RM12 000
- D RM20 000

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT